

**PEMAKLUMAN PELUANG MENYEMAK ARAH KIBLAT
BERPANDUKAN FENOMENA ISTIWA A'DZAM
PADA 27 MEI 2024 M / 18 ZULKAEDAH 1445H (ISNIN)
DI NEGERI PERAK**

Arah kiblat adalah syarat sah dalam perlaksanaan ibadat solat yang wajib. Umumnya penetapan arah kiblat boleh ditentukan berdasarkan ijтиhad berpandukan kedudukan buruj atau matahari. Ia juga boleh ditentukan dengan menggunakan peralatan seperti kompas dan tongkat istiwa.

Salah satu dari kaedah penentuan kiblat yang tepat ialah fenomena Istiwa A'dzam. Fenomena Istiwa A'dzam adalah fenomena di mana kedudukan matahari berada tepat atau rembang di atas kaabah pada waktu tengahari di Mekah. Fenomena ini akan menyebabkan bayang yang wujud di lokasi-lokasi lain ketika itu menunjukkan tepat ke arah kiblat. Ini kerana kedudukan matahari berada selari dengan arah kiblat.

Umumnya fenomena ini biasanya berlaku di Malaysia pada :

1. 28 Mei jam 5.16 petang.
2. 16 Julai jam 5.28 petang

Namun oleh kerana pada tahun 2024 adalah tahun lompat, maka ia berlaku lebih awal, sesuai dengan kedudukan matahari iaitu pada :

1. 27 Mei jam 5.18 petang.
2. 15 Julai jam 5.27 petang

Maka disarankan kepada seluruh umat Islam di negeri Perak [juga di seluruh Malaysia] menggunakan peluang pada kali ini untuk menyemak arah kiblat terutama di rumah masing-masing. Moga dengan itu arah kiblat yang tepat akan diperolehi.

Sekian, dimaklumkan.

Disediakan :



Bahagian Falak,
Jabatan Mufti Negeri Perak

INFO FALAK

Peluang Semak Arah Kiblat

Istiwa A'dzam

Ia akan berlaku ketika nilai sudut istiwa matahari akan bersamaan dengan nilai latitud Mekah, di mana kaabah terletak. Ketika fenomena ini berlaku, bayang objek tegak di seluruh dunia akan membentuk arah Qiblat.



Biasanya peristiwa matahari istiwa (rembang) di atas Kaabah berlaku dua kali setahun. Fenomena ini berlaku mengikut waktu tempatan di Malaysia pada:

1. 27 Mei jam 5.18 petang.
2. 15 Julai jam 5.27 petang